

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 11/2023

## EDITORIAL BOARD

### **PATRON**

Prof. Dr. Yamin Yasin

### **COORDINATOR**

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### **CHIEF EDITOR**

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### **EDITORIAL COMMITTEE**

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

October 2022 - February 2023

## **Forum Kelestarian Alam ‘More Green More Clean’**

*Ditulis oleh: Suhaila Sharil*

11 November 2022 –Pada Jam 9 Pagi telah berlangsung Forum Kelestarian Alam yang bertajuk ‘More Green More Clean’ di Dewan Theatret Koleh Kemahiran Tinggi MARA Rembau dengan Kerjasama Pertubuhan IKRAM Rembau dan SWCorp. Program ini dihadiri oleh 150 orang pelajar. Antara yang hadir menjayakan program adalah Puan Rohayu Daud Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik Koleh Kemahiran Tinggi Mara Rembau, Puan Aszulhida Binti Aman, Ketua Jabatan Pengajian Am Koleh Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Tuan Haji Mohd Misri Bin Dollah Kanan Timbalan Yang Dipertua IKRAM Rembau, Haji Abdullah Othman Pengerusi Tetap IKRAM Rembau, Puan Hajah Minah Ahmad Timbalan Pengerusi Tetap IKRAM Rembau, Encik Abdul Aziz Jamaludin Pengerusi Masjid Kariah Kunder Hilir, Dr. Zainab Yahaya Pakar Perbidanan dan Sakit Puan, Puan Areda Sidik Ketua Seksyen Pendidikan Masyarakat, SWCorp Negeri Sembilan, Puan Norsuhaibah Binti Abdul Mutalib Penolong Pegawai Penguatkuasa SWCorp, Encik Mohamad Fazrul bin Hamdan Pembantu Penguatkuasa SWCorp, Ustaz Abdul Hafidz bin Hamzah Pegawai Perkhidmatan Siswazah Unit Hal Ehwal Islam Koleh Kemahiran Tinggi MARA dan Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Program ini bertujuan untuk menyuntik kesedaran pelajar terhadap Alam Sekitar, mewarwarkan aktiviti SWCorp yang boleh bekerjasama untuk menanam rasa tanggungjawab kepada pelajar dan mempraktikkan amalan 5R dalam kehidupan seharian. Forum dimulakan dengan kata-kata aluan oleh pengerusi majlis iaitu Ustaz Abdul Hafidz bin Hamzah dan selepas itu diteruskan dengan bacaan doa. Acara dimeriahkan dengan gelaktawa penonton yang terhibur apabila disiarkan Video Pertandingan Drama Dakwah bagi 5 video yang tercalon di peringkat akhir dan pertandingan ini semakin sengit apabila Encik Abdul Aziz Jamaluddin Pengerusi Masjid Kariah Kunder Hilir menjadi Juri. Selesai acara tersebut, majlis penyampaian hadiah diadakan kepada Johan, Naib Johan, tempat ketiga dan 2 hadiah saguhati.

Tepat jam 10 Pagi maka berlangsung Forum Kelestarian Alam yang bertajuk ‘More Green More Clean’. Forum ini dikemudi oleh Suhaila Sharil daripada Universiti Teknologi MARA Rembau sebagai moderator forum dan ahli panelnya terdiri daripada Dr. Zainab Yahaya yang merupakan Doktor Pakar Perbidanan dan Sakit Puan serta Puan Areda Sidik Ketua Seksyen Pendidikan


Masyarakat SWCorp Negeri Sembilan. Dr. Zainab Yahaya juga merupakan Ahli Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan yang memegang portfolio i-Green. Anak kelahiran Pulau Pinang ini pernah menuntut di Maktab Rendah Sains MARA Kedah dan menyambung pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah berkhidmat selama 31 Tahun sebagai Doktor perubatan Pakar Perbidanan Sakit Puan. Antara tempat yang pernah beliau berkhidmat adalah di Hospital Kuala Pilah, Hospital Seremban, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Serdang. Dr. Zainab Yahaya juga merupakan seorang tokoh yang disegani dalam bidang I Green. Beliau menjalankan program IKRAM GO GREEN untuk menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat bagi menjaga kelestarian alam. Puan Areda Sidik pula telah berkhidmat selama 12 tahun di SWCorp. Kelulusan beliau adalah Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Negeri Terengganu, Kelantan, Cyberjaya dan Negeri Sembilan. Pengalaman beliau sangat banyak dalam melestarikan alam.



Gambar A: Ahli Panel dan Moderator Forum Kelestarian Alam : More Green More Clean

Antara intipati forum adalah bagaimana kita sebagai rakyat Malaysia boleh menjaga alam sekitar mengikut kadar kemampuan dan kapasiti yang sedia ada iaitu melalui penjagaan habitat flora dan fauna. Sisa toksik yang dibuang di Sungai Pahang, pembalakan haram di hutan-hutan dan kepupusan haiwan yang telah terjadi di Malaysia adalah antara kerakusan tangan manusia. Malangnya rakyat Malaysia yang melaksanakan 3R hanya 30% sahaja. Justeru tidak hairanlah apabila seorang rakyat Malaysia membuang sampah hamir 0.8 Kg setiap hari sehingga negara kita menghasilkan 15,000 tan sampah dalam sehari dan dalam jumlah tersebut jika dikumpulkan dalam masa 9.5 hari boleh membina Menara Berkembar Kuala Lumpur. Apabila kerakusan tangan manusia ini berleluasa maka terjadilah perkara-perkara yang membimbangkan iaitu Ikan Paus yang ditemui mati di Pulau Sardinia Itali kerana menelan 22 KG plastik. Plastik mempunyai bahan kimia yang toksik seperti Bisphenol A

[BPA], phthalates, antimitoxide, brominated flame retardants and polyfluorinated chemicals). Plastik berada di alam sekitar lama (400tahun) sebab ia tidak akan lupus melainkan berpotensi untuk menjadi pecahan kecil contohnya Mikroplastik (seperti saiz rambut). Maka dengan saiz yang kecil ini , ia dapat masuk ke rantaian makanan dan memberi kesan kepada ekosistem dan kesihatan. Justeru, potongan plastik mikro telah dikesan dalam najis masyarakat di Eropah, Rusia dan Jepun menurut penyelidikan yang wujud dalam rantaian makanan manusia. Secara purata terdapat 20 partikel mikro bagi setiap 10g najis.



Gambar B: Ikan paus yang ditemui mati di Itali

Oleh yang demikian, konsep 5R iaitu *Refuse, Reduce, Reuse, Recycle, Repurpose* sangat penting untuk dititikberatkan dalam kalangan masyarakat supaya habitat flora dan fauna dapat dijaga dan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang

bersih, selamat dan sejahtera. Antara aktiviti yang boleh diterapkan dalam kalangan pelajar adalah dengan membawa beg sendiri apabila pergi membeli belah, melakukan pengasingan sampah dan menggunakan bekas BPA free. Selain itu, pelajar juga tidak digalakkan untuk menggunakan botol air mineral plastik kerana boleh menyebabkan kanser apabila bekas tersebut digunakan berulang kali. Penggunaan semula boleh menyebabkan pelunturan dan penguraian bahan apabila terdedah kepada panas matahari. Justeru, kempen Jom Ubah, kempen Trash to Cash yang dianjurkan oleh SWCorp perlu dipraktikkan dengan mengasingkan sisa pepejal seperti plastik, tin, kertas, minyak masak dan dibawa ke tempat pelupusan berdekatan dan akan ditukar dengan duit. Maka perolehan daripada duit tersebut mampu menjana pendapatan keluarga walaupun dalam jumlah yang kecil namun jumlah tersebut apabila dikumpulkan setiap bulan akan bertambah banyak.



Gambar C: Kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar

Selain itu, SWCorp juga mengajak pelajar-pelajar untuk bersama-sama dalam aktiviti sukarelawan hero kebersihan. Selain daripada melaksanakan Hari Kitar Semula Kebangsaan, SWCorp juga menjalankan program Garbage Man Day, Komuniti Sifar Sisa, Solid Waste Training Centre dan Waste to Art. Antara fokus utama SWCorp adalah mengesyorkan standard tatacara dan amalan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, mengawal selia prestasi dan kualiti perkhidmatan yang dibenarkan pihak syarikat konsesi, menguatkuasakan undang-undang dan peraturan, meningkatkan kesedaran dan penglibatan awam serta mengenalpasti teknologi mesra alam dan kos pengoperasian yang efektif.



Sejajar dengan itu, Dr. Zainab Yahaya mencadangkan kepada pihak Pengurusan KKTMR Rembau untuk mengadakan aktiviti inovasi dengan menggunakan kreativiti kitar semula agar kelestarian dapat dipupuk dalam kalangan pelajar. Perkara ini juga dapat mencungkil

bakat-bakat pelajar kerana di dalam forum ini terdapat 10 orang pelajar yang telah memulakan pengasingan sisa pepejal di asrama mereka dan terdapat juga 6 orang pelajar yang telah membawa beg sendiri ke pusat membeli belah. Syabas dan tahniah kepada pelajar tersebut. Semoga amalan tersebut dapat menjadi contoh kepada pelajar yang lain. Hasil daripada forum ini terdapat 3 cadangan daripada Wanita IKRAM Negeri Sembilan iaitu

1. Penyediaan kotak pengasingan (boleh menggunakan kotak biasa sahaja jika tiada bakul sampah )
2. Pengasingan kertas dan plastik (bahan-bahan assignment, botol minuman diasingkan daripada sampah makanan)
3. Menyediakan kutipan berkala (Aktiviti ini boleh bekerjasama dengan Pertubuhan IKRAM Rembau sebagai satu langkah advokasi masyarakat)



*Gambar D: Penyampaian hadiah kepada Pelajar yang berjaya menjawab Kuiz*

Tepat jam 11.10 Pagi maka selesai Forum Kelestarian Alam ' More Green More Clean' dan moderator Program membuat kuiz Green Waste kepada pelajar-pelajar KKTM Rembau. Alhamdulillah pelajar-pelajar telah berjaya menjawab semua soalan-soalan yang diberikan dalam masa 7 Minit. Acara diteruskan dengan sesi penyampaian cenderamata kepada ahli panel. Selain itu penyampaian hadiah juga diberikan kepada kumpulan pelajar yang berjaya menjawab soalan kuiz. Antara hadiah lain yang menanti pelajar adalah Program Kuliah Muslimat dan Talk Show. Program berakhir dengan jamuan makan di Medan Selera KKTM Rembau. Semoga

Kerjasama yang dijalankan ini memberi pendedahan kepada semua pelajar untuk melestarikan alam sekitar. Setinggi penghargaan diucapkan kepada Pertubuhan IKRAM Rembau yang diterajui oleh Haji Mohamed Zaki bin Muda dan Haji Mohd Misri Bin Dollah Kanan di atas sumbangan dan keprihatinan dalam menjayakan program terutamanya suguhati kepada ahli panel dan pelajar. Tidak dilupakan juga kepada Penasihat Program Ustazah Rohaida Binti Awang Nik dan Haji Abdullah Othman di atas sumbangan nasihat dan kepakaran. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Pihak Pengurusan KKTM Rembau Puan Rohayu Daud, Puan Aszulhida Binti Aman dan Ustaz Abdul Hafidz bin Hamzah yang menyediakan tempat, peralatan dan lain-lain. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Haji Abdul Aziz Jamaludin Pengerusi Masjid Kariah Kundur Hilir. Akhir kata, pelajar-pelajar mengucapkan terima kasih kepada ahli panel Dr. Zainab Yahaya dan Puan Areda Sidik di atas sumbangan ilmu yang bermanfaat.



*Gambar E: Peserta Forum Kelestarian Alam 'More Green More Clean'*



*Gambar F: Jamuan Makan bersama Pengurusan KKTM Rembau, SWCorp, Pertubuhan IKRAM Rembau serta Pengerusi Kariah Masjid Kundur Hilir*